

Perjanjian jadikan pelajar komited

BH 3 1 JUL 2001

KOTA KINABALU, Isnin - Cadangan mewajibkan pelajar yang memasuki universiti menandatangani perjanjian khas dengan kerajaan tidak menimbulkan kebimbangan pelajar atau menjadi penghalang kemasukan ke institusi pengajian tinggi (IPT).

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata langkah itu

sebaliknya dapat menentukan hanya pelajar yang benar-benar komited untuk belajar saja masuk ke universiti.

"Jika mereka (pelajar) berminat untuk belajar, soal menandatangani perjanjian bukan satu masalah. Jika mereka nak ke universiti bukan untuk belajar, maka jangan datang dan jangan masuk universiti," katanya

dalam sidang akhbar di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu di sini sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur, petang ini.

Beliau ditanya pemberita sama ada langkah mewajibkan pelajar menandatangani perjanjian itu menimbulkan kebimbangan di kalangan pelajar serta menjejaskan kemasukan ke IPT.

Dr Mahathir berkata, dalam pertemuan dengan pelajar universiti sebelum ini, mereka sering mengadu tidak dapat belajar disebabkan gangguan pihak tertentu yang meminta mereka menghadiri ceramah yang tidak relevan, malah pihak berkenaan mengganggu pemikiran pelajar supaya tidak dapat menumpu perhatian kepada pelajaran.